

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 28/9/2008

Peralihan kuasa awal bukti Abdullah ikhlas

Oleh WAN SYAMSUL AMLY WAN SEADEY

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Para pemimpin parti termasuk dalam komponen Barisan Nasional (BN) menyifatkan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempercepatkan peralihan kuasa kepada Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak membuktikan keikhlasan perjuangannya dalam parti selama ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, **Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin** berkata, rakyat seharusnya menghormati keputusan Abdullah dan Najib yang menunjukkan persefahaman dalam proses peralihan ini.

Beliau berkata, keputusan terbaru itu jelas menunjukkan kematangan serta kebijaksanaan pucuk pimpinan dalam memastikan kepentingan parti dan negara sentiasa menjadi keutamaan.

"Tumpuan kini harus diberi kepada usaha mengembalikan kekuatan UMNO bagi meraih semula keyakinan rakyat," katanya ketika di-

hubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan peralihan kuasa yang dipercepatkan daripada 2010 selain menangguhkan Perhimpunan Agung UMNO yang dijadual berlangsung pada Disember ini kepada Mac tahun depan.

Namun, mesyuarat UMNO bahagian yang akan bermula 9 Oktober ini tetap diteruskan.

Naib Presiden MCA, **Datuk Donald Lim Siang Chai** pula berkata, keputusan Abdullah itu dilihat yang terbaik ketika negara dalam proses peralihan kuasa.

"Perdana Menteri tahu apa yang perlu dibuat sekarang dan keputusan mempercepatkan proses peralihan kuasa adalah yang terbaik untuk negara," jelasnya.

Naib Presiden MIC, **Datuk S. Veerasingam** berkata, keputusan itu membuktikan Abdullah sentiasa jujur dalam usahanya untuk menstabilkan keadaan politik negara.

"Keputusan itu menunjukkan UMNO sentiasa ikhlas dan bersedia membuat perubahan yang mendatangkan kebaikan ke-

pada semua," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO Selangor, **Datuk Abdul Rahman Palil** berkata, keputusan tersebut membuktikan kedua-dua pemimpin mengutamakan parti dan negara.

"Ia satu langkah bijak kerana ia bukan hanya untuk memastikan peralihan kuasa berjalan lancar, tetapi untuk meneruskan parti dalam keadaan stabil," katanya ketika dihubungi hari ini.

DI KOTA BHARU, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, **Tan Sri Annuar Musa** berkata, usaha mempercepatkan peralihan kuasa akan membolehkan parti membuat persiapan lebih awal menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13.

Beliau berkata, berdasarkan keadaan sekarang, banyak perkara perlu dilakukan oleh parti bagi mengukuhkan kepercayaan dan mengembalikan sokongan rakyat.

"Kita mahu masa yang cukup untuk membuat persiapan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya kepada pem-

berita selepas majlis berbuka puasa anjuran Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) di Wisma KAFA di sini petang semalam.

DI KOTA KINABALU, Ketua Penerangan UMNO Sabah, **Datuk Sapawi Ahmad** menegaskan keputusan peralihan kuasa itu merupakan jawapan tepat kepada akar umbi dalam membuktikan usaha pemimpin tertinggi memperkuatkan parti.

"Saya rasa ia tindakan bijaksana bagi menenangkan suasana di peringkat akar umbi keseluruhan kerana sejak akhir-akhir ini," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* hari ini.

Setiausaha UMNO Sabah, **Datuk Yahya Hussin** berkata, ia memberi kesan positif kepada kestabilan politik negara sekali gus mampu mengukuhkan UMNO.

"UMNO perlu mengadakan perubahan yang drastik dan ini harus ditunjukkan oleh kepimpinan, maka dengan persetujuan terbaru itu, mereka akan bekerja kuat mengukuhkan parti," katanya.

UM-28/9/2008